

# Lawatan pemerintah Arab Saudi capai matlamat – PM

UM- 2/2/2006

**Perdana Menteri menganggap lawatan tersebut membawa era baru dalam hubungan dua hala**

**SYED HAMID ALBAR**  
Menteri Luar

**SEPANG** 1 Feb. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan lawatan rasmi pemerintah Arab Saudi, Raja Abdullah Abdul Aziz Al-Saud ke Malaysia berjaya mencapai matlamatnya untuk meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, lawatan tersebut membuktikan hubungan antara Malaysia dan Arab Saudi terus terjalin dengan akrab.

“Perdana Menteri menganggap lawatan tersebut membawa era baru dalam hubungan dua hala.

“Beliau menyanjung tinggi kehadiran Raja Abdullah ke negara ini bukan sahaja sebagai khadam al-haramain malah pemimpin OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) yang disegani,” katanya kepada pemberita selepas mengiringi Perdana Menteri pada majlis keberang-

katan pulang Raja Abdullah di Bilik Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini hari ini.

Raja Abdullah bersama 300 anggota delegasinya tiba ke negara ini Isnin lalu dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia selepas menaiki takhta pada Ogos tahun lepas.

Sepanjang lawatan itu, kedua-dua buah negara berjaya menandatangani dua perjanjian membabitkan pengecualian cukai berganda dan pendidikan.

Sebelum ini baginda berkunjung ke negara ini ketika menghadiri Sidang Kemuncak OIC pada 2003.

Menurut Syed Hamid, Perdana Menteri berharap hubungan tersebut dapat diperluaskan bukan sahaja di peringkat kerajaan dengan kerajaan malah merangkumi sektor ekonomi, pelaburan dan perdagangan.

Katanya, Perdana Menteri juga mengucapkan terima kasih kerana lawatan tersebut telah berjaya menyaksikan beberapa perjanjian membabitkan sektor swasta bernilai kira-kira RM3 billion.

“Raja Abdullah turut memuji Perdana Menteri kerana berupaya untuk memamerkan imej seorang pemimpin Islam yang sederhana dan maju serta moden

walaupun dalam keadaan masyarakat majmuk,” katanya.

Dalam pada itu Syed Hamid berkata, pihaknya telah diarahkan oleh kedua-dua pemimpin negara itu bagi mengambil tindakan susulan untuk melaksanakan segala keputusan yang telah dibuat.

Beliau berkata, beberapa bidang yang telah dikenal pasti termasuk penglibatan Perbadanan Kemajuan Multimedia (MDC) dalam projek e-kerajaan di Madinah.

“Arab Saudi pula berminat untuk menambah penghantaran pelajar mereka bagi peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana ke Malaysia.

“Selain itu mereka ingin meningkatkan jumlah kedatangan pelancong negara ini bukan sahaja bagi haji dan umrah malah bagi melawat ke tempat-tempat yang menarik di sana selain membantu meningkatkan pelancong Arab Saudi datang ke sini,” katanya.